TEMA 17

Era Baharu Industri

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Bahagian yang **bergaris** *dalam ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.**
Tandakan sama ada **A**, **B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan.**

1 Penduduk-penduduk di kawasan pendalaman Sarawak kini sudah mula menceburkan diri dalam bidang keusahawanan kraf tangan melalui bantuan oleh kerajaan.
   A Penduduk di kawasan pedalaman
   B Penduduk di kawasan-kawasan pedalaman
   C Penduduk-penduduk di kawasan pedalaman
   D Penduduk-penduduk di kawasan pendalaman

2 Kini kerajaan memberi fokus terhadap perlaksanaan berbagai projek-projek pembangunan khususnya di kawasan luar bandar.
   A pelaksanaan pelbagai projek
   B pelaksanaan berbagai projek
   C perlaksanaan berbagai-bagai projek
   D perlaksanaan berbagai projek-projek

3 Kerajaan perlu menjalani kajian demi untuk mentransformasikan kemajuan industri kecil negara.
   A menjalani kajian untuk
   B menjalankan kajian untuk
   C menjalankan kajian demi untuk
   D menjalani kajian demi untuk

4 Anak-anak kucing itu sungguh comel-comel sekali walaupun hanya kucing jalanan.
   A Anak-anak kucing itu sungguh comel
   B Anak-anak kucing itu sungguh comel-comel
   C Anak-anak kucing itu sungguh comel sekali
   D Anak-anak kucing itu sungguh comel-comel sekali

Bahagian B

Dalam petikan di bawah, **terdapat tiga kesalahan ejaan.** *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin semula ayat tersebut.*

> Kerajaan kini telah merangka pelbagai pelan strategik yang merangkumi pembangunan sektor perikanan dan sosio-ekonomi nelayan agar industri ini menyumbang kepada pendapatan ekspot negara. Kerajaan juga komited dalam meningkatkan pengeluaran pelbagai spesis ikan untuk makanan di samping menguruskan sumber perikanan secara mapan dengan memperkenalkan teknologi baharu.

1 _____

2 _____

3 _____

LIVEWORKSHEETS